

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH HULU TERENGGANU  
DI DAERAH HULU TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU

DALAM PERKARA TUNTUTAN MUT'AH

SAMAN NO. : 11003-016-0XXX-2017

ANTARA

YYY BT ZZ  
KP : 870829-11-XXXX

PLAINTIF

DENGAN

AAA BIN XX  
KP : 491225-11-XXXX

DEFENDAN

DI HADAPAN TUAN HAKIM,  
TUAN HAJI SHAMSUDIN BIN NGAH.PJK.,  
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA TERENGGANU,  
DI DAERAH KUALA TERENGGANU, TERENGGANU,

PADA HARI ISNIN, 07 MEIL, 2018,  
BERSAMAAN 21 SYAABAN, 1439H.

ATAS TUNTUTAN Plaintiff yang diwakili oleh Peguamnya Puan Nadiah binti Man Dari Tetuan Nadiah & Associates dan Defendan diwakili oleh Puan Asmayani binti Kamaruddin dari Tetuan Zamani Mohamad & Co, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan dalam kehadiran Plaintiff bersama dengan peguamnya serta saksinya dan dengan kehadiran Defendan tanpa saksinya, MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT ;

Tuntutan yang didengar ini ialah tuntutan iaitu Mut'ah yang difailkan oleh Plaintiff YYY BT ZZ(KP: 870829-11-XXXX) terhadap Defendan iaitu bekas suaminya Encik AAA BIN XX (KP: 491225-11-XXXX). Plaintiff dalam penyata tuntutannya telah mengemukakan tuntutan Mut'ah sebanyak RM 18,000.00 dari perceraian yang berlaku antara Plaintiff dan Defendan itu. Plaintiff diwakili oleh peguamnya Puan Nadiah binti Man Dari Tetuan Nadiah & Associates dan

Defendan juga diwakili oleh peguamnya Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah dari Tetuan Zamani Mohamad & Co. Defendan ada memasukkan pembelaan bagi kesnya kedalam mahkamah.

### **{BIDANGKUASA MAHKAMAH}**

Tuntutan yang didengar ini adalah Tuntutan Mut'ah di bawah seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 antara Plaintiff dan Defendan. Mengikut undang-undang, bidangkuasa mengenai tuntutan Mut'ah, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syar'iah sebagai bidangkuasa asal dan juga kepada Mahkamah Rendah Syariah. Peruntukan sub-seksyen 11(3)(b)(i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 adalah dibaca bersama dengan sub-seksyen 12(1)(b), Enakmen yang sama.

Sub-seksyen 11(3)(b)(i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah -

- (a) ...
- (b) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-
  - (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan(fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman(faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;
  - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i),

- (iii) .....
- (iv) .....
- (v) .....
- (vi) .....
- (vii) .....

Manakala sub-seksyen 11(1)(b) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 pula memperuntukkan;

Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah –

- (a) .....
- (b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang ( tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian)
- (c)

Berhubung tentang Tuntutan Mut'ah, seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu), 2017 memperuntukkan;

“Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah dicerai tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *Mut'ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah dicerai tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut menurut Hukum Syarak.

Mengenai permastautinan Plaintiff pula, Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 207 pula memberi tafsiran "*bermastautin*" ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas dan berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan di dalam Mahkamah ini, saya berpuashati bahawa Plaintiff pada masa tuntutan ini diserahkan adalah bermastautin di Kampung XXX, 21700 Kuala Berang, Terengganu dan tidak bekerja. Defendan juga adalah berasal dari Terengganu dan alamat pemastautinan Defendan adalah sebagaimana dialamat Kampung AAA 21300 Kuala Terengganu, Terengganu dan bekerja sebagai Kontraktor kelas F.

Daripada peruntukan-peruntukan undang-undang di atas, jelaslah bahawa bidangkuasa mendengar dan memutuskan kes utama di hadapan saya ini boleh dibawa di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu ini dan Plaintiff adalah layak untuk membuat tuntutan ini di Mahkamah ini.

#### **{FAKTA WUJUDNYA PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN PIHAK-PIHAK}**

Sebelum Mahkamah membincangkan tentang isu utama dalam tuntutan ini, adalah perlu pada pandangan Mahkamah untuk melihat fakta tentang perkahwinan dan perceraian antara Plaintiff dan Defendan, kerana tuntutan yang difailkan adalah amat berkait rapat dengan fakta perkahwinan dan perceraian kedua-dua pihak.

Adalah menjadi suatu isu yang tidak dipertikaikan antara pihak-pihak bahawa Plaintiff dan Defendan telah berkahwin mengikut Hukum Syara' pada 24 Mac, 2010 bersamaan 8 Rabiul Akhir, 1431 Hijrah. Seterusnya Plaintiff dan Defendan telah bercerai dengan talaq satu kali pertama (*Raj'ie*) diluar mahkamah dimana Defendan telah menceraikan Plaintiff pada 14 Disember, 2016 bersamaan 14 Rabilu Awwal, 1438 Hijrah sebagaimana permohonan Pengesahan Perceraian No; 11003-054-XXXX-2016.

Perceraian tersebut telah didengar di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu, Terengganu pada 28 Disember, 2016 melalui permohonan Pengesahan Perceraian yang telah difailkan oleh Plaintiff dan setelah Defendan menceraikan Plaintiff diluar mahkamah di dalam kes Mal Permohonan No: 11003-054-XXXX-2016. Tempoh perkahwinan, Plaintiff dan Defendan adalah lebih kurang 6 tahun 9 bulan sahaja iaitu pada 24 Mac, 2010 sehingga 14 Disember, 2016 dan dikurniakan cahaya mata seramai seorang anak.

Di antara fakta-fakta yang tidak dipertikaikan antara pihak-pihak juga iaitu sejak awal perkahwinan sehinggalah berlaku perceraian Plaintiff merupakan seorang yang tidak bekerja. Manakala Defendan pula adalah seorang sebagai Kontraktor Kelas F dengan pendapatan RM 4000.00 sebulan tidak termasuk selain Timbalan Pengerusi JKKK sebanyak RM 300.00 sebulan .

{PROSES SEBUTAN DAN PERBICARAN}:

Sepanjang prosiding, sebutan pertama kes ini bermula pada 8 Mei, 2017 dalam Tuntutan Mut'ah seterusnya prosiding sebutan semula dibuat kali kedua pada 31 Mei 2016 sehinggalah proses pra perbicaraan dilengkapkan oleh pihak-pihak.Seterusnya perbicaraan bermula pada 2 Ogos, 2017 dan dan seterusnya perbicaraan dilangsungkan dalam Tuntutan Mut'ah sehinggalah kes ditetapkan untuk penghakiman pada hari ini 7 Mei,2018, Defendan hadir ke Mahkamah bagi tujuan prosiding kes ini diwakili Peguam dan juga memfailkan Pernyataan Pembelaan melalui peguamnya.

Mahkamah berpuashati bahawa Defendan telah mengetahui adanya tuntutan Mut'ah yang dikemukakan oleh Plaintiff, Defendan telah hadir sendiri ke Mahkamah bersama peguamnya, dan Mahkamah telah menjalankan perbicaraan tuntutan ini dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguamnya dan Defendan juga hadir bersama peguamnya. Oleh kerana kedua-dua pihak hadir pada hari perbicaraan tersebut peruntukan undang-undang mengikut **Seksyen 121 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001** tidak berkaitan.

Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan ialah tuntutan Mut'ah iaitu Mut'ah ekoran perceraian yang telah berlaku antara Plaintiff dan Defendan. Plaintiff menuntut Mut'ah daripada Defendan sebanyak RM 18,000.00 bagi perceraian yang berlaku tersebut. Plaintiff menuntut Mut'ah keatas Defendan kerana merasa malu dan terhina dimata keluarganya dan masyarakat akibatdaripada perceraian yang dilafazkan oleh Defendan dihadapan bapanya dan bukan dihadapan Plaintiff. Defendan hadir ke Mahkamah untuk menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff, Defendan juga telah melantik Peguam Syari'nya untuk hadir sepanjang prosiding kes ini berlangsung. Defendan juga membuat pembelaan melalui pernyataan pembelaan mengikut seksyen 65 Enakmen Tatacara Mal Terengganu 2001, bahawa Defendan tidak mampu membayar tuntutan Plaintiff. Defendan di dalam kes ini hadir dari awal prosiding kes sehinggalah tarikh penghakiman hari ini, dan telah memberi keterangannya dan tidak mengemukakan saksi dan bukti yang boleh menyokong alasan Defendan bahawa Defendan tidak mampu untuk membayar Mut'ah kepada Plaintiff sebagaimana dalam tuntutan Plaintiff. Plaintiff mengemukakan saksi semasa perbicaraan seramai 2 orang iaitu Mohd Rapih bin XXX sebagai SP 1 dan Shamsuddin bin XXX sebagai SP 2. manakala Defendan tidak mengemukakan saksi dan hanya keterangan sahaja yang boleh menyokong alasan Defendan.

### **ISU-ISU YANG PERLU DIPUTUSKAN DALAM KES INI**

Mahkamah berpendapat terdapat beberapa isu-isu utama yang menjadi fakta persoalan dalam tuntutan ini, yang perlu diputuskan terlebih dahulu mengikut hukum syara' dan undang-undang sebelum Mahkamah boleh sama ada meluluskan atau menolak tuntutan Plaintiff ini. Isu-isu utama yang menjadi fakta persoalan iaitu:

- Pertama : Adakah Plaintiff layak/berhak mendapat Mut'ah daripada Defendan?
- Kedua : Sekiranya Plaintiff layak/berhak mendapat Mut'ah, berapakah kadar/jumlah Mut'ah yang sepatutnya diperolehi oleh Plaintiff?

Ketiga : Seterusnya barulah boleh diteliti pula mengenai jumlah/kadar Mut'ahyang dituntut oleh Plaintiff terhadap Defendan, adakah munasabah dan boleh diluluskan ataupun sebaliknya.

### ISU PERTAMA YANG MENJADI SOAL

Adakah Plaintiff berhak/layak mendapat Mut'ah dari Defendan?

Mut'ah mengikut tafsiran berkanun seperti yang ditafsirkan di dalam sub-seksyen 2(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, (Terengganu), 2017, ertinya "bayaran saguhati yang diberi dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan". Mengikut Hukum Syara', sebagaimana yang disebut di dalam kitab *Kifayatul Akhyar*, juzuk 2 muka 42, Mut'ah diertikan sebagai:

وهي اسم للمال الذي يد فعه الرجل الى امرأته لمفارقتة اياها

Maksudnya:

"Mut'ah ialah nama bagi harta yang diberikan oleh suami kepada isteri kerana suami menceraikannya".

Mengenai Mut'ah ini Allah S.W.T. telah berfirman:



(Surah Al-Baqarah, ayat 241)

Maksudnya:

"Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat Mut'ah (pemberian sagu hati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa".

Dalam menghuraikan ayat ini, Prof. Dr. Hamka, melalui *Tafsir al-Azhar* telah menyebut dengan panjang lebar bahawa, ayat ini adalah untuk menjelaskan lagi sebab pada ayat 236 yang mana sudah diterangkan bahawa perempuan yang ditalaq sebelum disentuh (disetubuhi), ataupun maharnya belum dibayar, supaya diberi ubat hati kerana bercerai. Ini sudah jelas. tetapi dengan ayat ini dijelaskan lagi yang yang tadi belum dijelaskan iaitu semua isteri yang diceraikan, bukan saja

yang belum disentuh, hendaklah diberi juga pengubat hati jika dia diceraikan, iaitu menurut berapa patutnya wang, barang, emas, perak atau rumah lengkap dengan isinya”.

Di dalam kitab *I'anat al-Talibin* juzuk ketiga, halaman 356 ada menyebut:

تجب عليه لزوجة موطوءة ولو أمة متعة بفراق بغير سببها وبغير موت أحدهما

Maksudnya:

"Suami wajib memberi Mut'ah kepada isterinya yang telah disetubuhi walau pun isterinya itu seorang hamba, oleh kerana berlakunya perceraian yang bukannya berpunca daripada isteri dan bukan juga disebabkan mati salah seorang suami isteri itu".

Di dalam undang-undang, peruntukan mengenai Mut'ah ini telah diperuntukkan. Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, (Terengganu), 2017, memperuntukkan:

“Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon Mut'ah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut menurut Hukum Syarak “.

Di antara hikmah disyariatkan Mut'ah ialah bertujuan menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendiannya. Hikmah yang lain juga adalah untuk menghilangkan prasangka buruk bahawa seseorang itu diceraikan bukanlah kerana keaiban yang ada pada dirinya maka, oleh sebab itulah Mut'ah diwajibkan ke atas suami. Seorang isteri yang lazimnya bergantung hidup kepada suami akan menghadapi kepayahan untuk memulakan kehidupan bersendirian. Walaupun begitu



iabukanlah syarat utama yang menentukan sama ada seseorang isteri yang diceraikan oleh suaminya layak mendapat Mut'ah atau tidak.

Di dalam kes ini, Mahkamah telah memberi peluang yang bersesuaian mengikut pandangan Mahkamah bagi membolehkan kedua-dua belah pihak mengadakan *sulh* melalui peguam masing-masing mengenai tuntutan Plaintiff, iaitu tuntutan Mut'ah ini. Malangnya peluang yang ditawarkan oleh Mahkamah itu telah disia-siakan oleh kedua-dua belah pihak dan gagal mencapai kata satu keputusan secara baik. Dalam kedudukan seperti ini, Mahkamahlah yang akan mensabitkan wajibnya atau tidak Mut'ah tersebut dan kadarnya jika disabitkan.

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff yang tidak dipertikaikan bahawa Plaintiff dan Defendan telah berkahwin mengikut Hukum Syara' pada 24 Mac, 2010. Seterusnya Plaintiff dan Defendan telah bercerai dengan talaq satu kali pertama (*Raj'ie*) dan perceraian berlaku di luar mahkamah dan disahkan oleh Mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Terengganu oleh Defendan kepada Plaintiff pada 28 Disember 2016 bahawa perceraian berlaku pada 14 Disember 2016 dengan talaq satu kali pertama.

Perceraian tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu, Terengganu pada 28 Disember 2016 melalui permohonan Pengesahan Perceraian yang telah difailkan oleh Plaintiff di dalam kes Mal Permohonan No: 11003-054-XXXX-2016. Tempoh perkahwinan, Plaintiff dan Defendan adalah lebih kurang 6 tahun 9 bulan sahaja iaitu 24 Mac, 2010 sehingga 14 Disember 2016 dan dikurniakan cahaya mata seramai seorang anak.

Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff sendiri dan disokong oleh dua orang saksi iaitu Mohd Rapih bin XXX sebagai SP 1 dan Shamsuddin bin XXX sebagai SP 2, Plaintiff semasa tinggal bersama dengan Defendan hanya dalam tempoh 6 Tahun 9 bulan sahaja. Selepas itu Plaintiff dan Defendan telah bercerai antara mereka. Punca perceraian antara Plaintiff dengan Defendan adalah kerana Defendan gagal mengadakan rumah kediaman tetap bagi Plaintiff

bersama anaknya dan akibat daripada itu berlaku perselisihan faham yang mengakibatkan berlakunya perceraian. Defendan tidak mengemukakan saksi bagi menyokong bantahan beliau.

Plaintif menyatakan kepada Mahkamah di dalam keterangannya bahawa Plaintif merasa cukup terhina, malu yang amat sangat, tertekan akibat berlakunya perceraian antara Plaintif dengan Defendan, Plaintif telah memfailkan permohonan untuk pengesahan perceraian antara Defendan dan Plaintif yang berlaku di luar mahkamah. Plaintif merupakan isteri kedua kepada Defendan. Perkahwinan antara Plaintif dengan Defendan pada permulaannya ditentang oleh bapa Plaintif, namun perkahwinan terus juga berlangsung setelah Bapa saudara Plaintif memberi keyakinan bahawa Defendan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Plaintif walaupun Plaintif adalah isteri kedua Defendan. Perceraian berlaku dihadapan bapa Plaintif iaitu SP 1 dan semasa berlaku perceraian tersebut plaintif tidak ada bersama dengan Defendan.

Melalui keseluruhan keterangan yang diberikan oleh Plaintif, pihak Defendan telah membuat bantahan dimana pihak Defendan tidak bersetuju perkara yang berkaitan tuntutan Mut'ah ini, Defendan menyatakan bahawa Tuntutan Mut'ah yang dituntut oleh Plaintif tidak masuk akal dan terlalu tinggi dan tidak munasabah sebagaimana dalam hujahan Peguam Defendan. Mahkamah berpendapat bahawa Plaintif berjaya membuktikan kepada Mahkamah bahawa perceraian yang berlaku antara Plaintif dan Defendan adalah secara talaq *raj'ie*.

Saya merujuk di dalam kes *Ahmad Shah Tabrani lwn. Norhayati Yusoff* ( 2006 ) 1 CLJ Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan pada muka surat 6 telah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan suami telah menceraikan isterinya itu ialah seperti perceraian biasa sama ada dengan persetujuan bersama atau sebagainya dan juga apa yang dimaksudkan dengan perbuatan isteri ialah seperti isteri murtad atau dia memohon fasakh dengan sebab keaiban suami seperti suami gila atau mati pucuk atau suami seorang papa dan sebagainya, dan begitu juga jika difasakhkan nikah itu atas permohonan suami disebabkan oleh aib isteri seperti ada ketumbuhan daging pada alat kelamin isteri atau alat kelaminnya tersumbat.

Oleh itu, Mahkamah berpuas hati bahawa perceraian yang berlaku antara Plaintiff dengan Defendan bukanlah disebabkan oleh Plaintiff seorang tetapi defendan juga, malah ia adalah akibat dari keadaan pihak Defendan yang gagal mencari penyelesaian terbaik antara Plaintiff dengan Defendan dan akhirnya berlakulah perceraian. Defendan mempunyai dua orang isteri dan Plaintiff adalah isteri kedua Defendan dan perceraian yang berlaku juga bukan dihadapan Plaintiff malah berlaku di hadapan Baba Plaintiff iaitu bapa mertua Defendan sendiri. Saya berpendapat bahawa punca pergaduhan dan nilai siapa baik dan siapa jahat, ALLAH sahaja yang maha mengetahui. Tapi pengorbanan Plaintiff dan kasihnya kepada Defendan telah ternyata dari keterangannya.

Oleh itu, walaupun Defendan tidak bersetuju dengan jumlah tuntutan Plaintiff dalam tuntutan ini, Defendan mengakui bahawa Plaintiff adalah layak mendapat Mut'ah, Mahkamah sebenarnya berpuashati di dalam kes ini bahawa Plaintiff layak mendapat Mut'ah mengikut hukum syara' ekoran perceraian dengan bekas suaminya, kerana Mut'ah adalah pemberian yang bertanggung ke atas seorang suami yang menceraikan isterinya. Tanggungan Mut'ah tidak gugur dalam apapun jua perceraian yang berlaku kecuali jika perceraian berlaku disebabkan keaiban di pihak isteri terhadap suaminya atau perceraian kerana mati. Oleh itu, Mahkamah berpuashati dan sabit bahawa Plaintiff berhak dan layak mendapat Mut'ah atas perceraian yang berlaku antara Plaintiff dan Defendan pada 14 Disember 2016 itu.

## **ISU KEDUA YANG MENJADI SOAL**

***Berapakah kadar/jumlah Mut'ah yang sepatutnya diperolehi oleh Plaintiff?.***

Seterusnya, apabila Mahkamah sabit bahawa Plaintiff berhak mendapat Mut'ah dari Defendan, Mahkamah perlu menentukan berapakah jumlah/kadar mut'ah yang patut diperolehi oleh Plaintiff. Mengikut undang-undang, kadar Mut'ah yang patut Mahkamah pertimbangkan ialah menurut kewajaran yang patut. Mengenai perkara ini mengikut Hukum Syara', kadar Mut'ah adalah tidak kurang dari tiga puluh dirham. Di dalam kitab *Fanat al-Talibin*, juzuk ketiga, halaman 357 ada menyebut:

و تسن أن لا ينقص عن ثلاثين درهم

Maksudnya:

"Sunat kadar Mut'ah itu tidak kurang dari tiga puluh dirham".

Menurut kitab *al-Fiqhul Islamiyy wa Adillatuhu*, oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli, juzuk pertama, cetakan ketiga, 1409H/1989M, halaman 76-77 ada menyebut bahawa, 10 dirham ialah tujuh *mithqal* emas. *Mithqal* yang biasa ialah 4.80 gram. Jika 30 dirham bersamaan (  $30/10 \times 7 \times 4.80$  ) 100.8 gram emas. Jadi ianya didasarkan kepada nilai emas di pasaran tempatan pada masa ini.

Walaupun begitu jika berlaku pertelingkahan dalam menentukan kadar Mut'ah antara kedua pihak, mengikut Hukum Syara', Hakim hendaklah menentukan kadar Mut'ah tersebut berpandukan kepada keadaan kedua-dua belah pihak semasa perceraian berlaku, dengan melihat kepada kesenangan dan kesusahan pihak suami serta keturunan dan sifat-sifat isteri. Keempat-empat kriteria ini telah disebut di dalam kitab *I'anat al-Talibin*, juzuk yang ketiga, halaman 357 yang berbunyi:

فان تنازعا قدرها القاضي بقدر حالها من يساره و اعساره ونسبها وصفاتها

Maksudnya:

"Sekiranya berlaku perselisihan mengenai kadar Mut'ah yang patut dibayar oleh suami kepada isterinya, maka Hakim hendaklah bertindak sebagai penentu kadar Mut'ah itu berdasarkan kriteria-kriteria berikut; kesenangan suami, kesusahan suami, keturunan isteri dan sifat isteri itu".

Saya suka menarik perhatian semua pihak berhubung nas feqh di atas iaitu perkataan "فان تنازعا" yang bermaksud "Sekiranya berlaku perselisihan/pertikaian antara kedua-dua pihak yang berselisih/bertikai". Lafaz *tanaza'a* berasal dari wazan: *tanaza'* – *yatanaza'u* – *tanazu'an*. Lafaz ini termasuk bentuk *mubalaghah* ( ) mengikuti wazan "fa'aaal", ... dengan wazan: *tafa'ala* – *yatafa'alu* – *tafa'ulan*. Lafaz tersebut memberikan maksud dan gambaran berlaku pertikaian sebenar

antara kedua-dua pihak berhubung kadar atau jumlah Mut'ah di mana pihak yang kena tuntutan tidak bersetuju dengan jumlah yang dituntut. Dalam keadaan sedemikian, pihak yang menuntut akan cuba mengemukakan keterangan yang boleh menyokong kadar yang dituntut itu, manakala pihak kena tuntutan atau Defendan pula mengemukakan keterangan yang boleh menyokong bantahan yang dibuat olehnya seperti menunjukkan kemampuan sebenar dirinya dengan menyatakan pendapatan serta tanggungannya dan sebagainya. Sebaliknya di dalam kes ini, pihak Defendan hadir sendiri bersama dengan peguamnya dan tidak mengemukakan saksinya dan melalui tuntutan balas yang hantar dengan menyatakan tidak bersetuju dengan kadar Mut'ah yang dituntut oleh Plaintiff,. Justeru itu, lafaz "*kesenangan suami, kesusahan suami*" di dalam nas fiqh di atas perlu diberi pertimbangan sewajarnya oleh Mahkamah dalam menentukan kadar Mut'ah yang sepatutnya di dalam kes ini.

Saya juga merujuk kes *Rokiah binti Haji Abdul Jalil lwn. Mohamed Idris bin Shamsudin(1986) 6 JH 272*, di mana Yang Amat Arif Hakim Rayuan di antara lain telah merujuk kepada kes *Noor Bee lwn. Ahmad Sanusi (1978) 1 JH 63* di mana: Yang Arif Kadi Besar di dalam kes itu telah berkata bahawa:-

*"Dasar Mut'ah adalah keredhaan kedua pihak tetapi jika tidak tercapai persetujuan maka penentuan dibuat oleh Qadhi. Penentuan kadar telah digariskan oleh Syara' dengan nilai kedudukan kaya miskinnya suami dan sifat serta kedudukan isteri. Sifat ialah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat. Kaya dan miskin ialah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan."*

Di dalam kes ini, pihak Defendan tidak bersetuju di atas kadar Mut'ah yang dituntut oleh Plaintiff dan menyerahkan kepada Mahkamah menentukan kadar yang sesuai dan munasabah sebagaimana hujahan Peguam Defendan. Sehubungan dengan itu, kuasa untuk menentukan kadar sesuatu Mut'ah yang sesuai dan munasabah terletak di bahu Yang Arif Hakim. Berdasarkan otoriti-otoriti yang telah dinyatakan tadi, saya merumuskan bahawa berdasarkan hukum syarak terdapat beberapa faktor yang mesti diambil kira oleh Mahkamah dalam penentuan kadar Mut'ah apabila kedua-duanya bertelagah tentang kadar Mut'ah. Faktor-faktor


yang mesti diambil kira ialah kemampuan suami dari sudut kewangan iaitu mengikut taraf kedua-duanya semasa berlaku perceraian serta keturunan dan sifat isteri. Saya cuba menghalusi dan mengaplikasikan kriteria-kriteria tersebut secara lebih detail dan terperinci berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan dalam kes Plaintiff dan Defendan ini seperti berikut:

**Faktor Pertama :**

***Kemampuan Defendan (Kesenangan suami dan kesusahannya)***

Perkara yang paling utama perlu diambil kira ialah meneliti dan mengkaji tentang kedudukan kewangan Defendan kerana kadar Mut'ah yang perlu diberikan terhadap Plaintiff, salah satu faktornya adalah bergantung atau mengikut kadar kemampuan Defendan dari sudut susah atau senangnya. Mut'ah mengikut tafsiran berkanun seperti yang ditafsirkan di dalam subseksyen 2 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu)2017) bererti "*Bayaran saguhati yang diberi dari segi hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan*".

Persoalan yang timbul di sini ialah apakah kadar Mut'ah yang menurut hukum Syara' itu? Memang tidak dinafikan bahawa Al-Quran tidak menyatakan dengan jelas kadar Mut'ah itu sendiri. Walaupun begitu, Al-Quran secara jelas menerangkan panduan dalam menentukan kadar Mut'ah itu, iaitu Allah S.W.T telah berfirman di dalam Surah al-Baqarah ayat 236:



Maksudnya:

*"Hendaklah kamu memberi Mut'ah (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu) iaitu suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut kemampuannya dan suami yang susah pula menurut kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut".*

Begitulah mukjizat al-Quran yang kekal sehingga ke akhir zaman dan hukumnya juga kekal dan bersesuaian pada sepanjang masa sehingga hari kiamat. Justeru kerana kemampuan itu adalah perkara yang subjektif dan berdasarkan kepada penilaian semasa pada satu-satu masa dan juga *'uruf* sesuatu bangsa. Pendapatan yang dianggap tinggi dan mewah pada suatu ketika, ada masanya tidak lagi dianggap mewah pada suatu masa yang lain kerana faktor peningkatan taraf dan kos sara hidup yang sentiasa berubah sepanjang masa. Defendan di dalam kes di hadapan saya ini mempunyai tanggungan lain semasa perceraian berlaku.

Oleh kerana itu, dalam menentukan jumlah Mut'ah yang wajar dan munasabah diberikan kepada isteri dan adakah jumlah RM 18,000.00 yang dituntut oleh Plaintiff itu adalah wajar atau pun tidak, Mahkamah meneliti fakta-fakta yang berkaitan dengan kemampuan suami/Defendan tersebut sebagaimana berikut:

- (1) **Pekerjaan Defendan** – berdasarkan kepada keterangan Plaintiff yang tidak disangkal semula, Defendan adalah seorang yang kerja sebagai Kontraktor Kelas F dengan pendapatan bersih RM 4000.00 sebulan dan menanggung kehidupan dengan wang tersebut. Walaupun di dalam kes ini Defendan tampil memberikan keterangan tentang dirinya dan Plaintiff juga memberikan keterangan untuk membuktikan kemampuan Defendan, secara Ilmu Qadhi Mahkamah berpendapat seseorang dengan pendapatan yang tidak tetap dapat menampung keperluan keluarganya sendiri..Defendan pada masa ini berumur hampir 69 tahun ada asasnya untuk diterima oleh Mahkamah.Justeru itu Mahkamah juga berpendapat bahawa Defendan juga dikategorikan sebagai seorang yang berpendapatan sederhana sahaja.

Berdasarkan keterangan diberikan berhubung pendapatan sampingan lain Defendan. Defendan juga telah mendaftar lesen perniagaan iaitu pembersihan kawasan yang didaftarkan atas nama Plaintiff namun hasil pendapatan tersebut diserahkan kepada Defendan yang nama jumlah bayaran pembersihan kawasan sebanyak RM 10,000.00 sebulan, Plaintiff hanya memperolehi imbuhan sebanyak RM 1000.00 sebulan atas alasan nama lesen Plaintiff tersebut.Selain itu,

Defendan juga mempunyai pendapatan sampingan sebagai Timbalan Pengerusi JKKK sebanyak RM 300.00 sebulan. Begitu juga ada keterangan diberikan berhubung harta/aset yang diperolehi oleh Defendan dalam masa perkahwinan dengan Plaintiff.

- (2) **Tanggungjawab Defendan** –Defendan hadir untuk memberi keterangan dan membuat pembelaan di dalam kes ini, keterangan berhubung tanggungjawab Defendan yang telah dinyatakan iaitu hanya bergantung kepada wang pendapatan bulannya sahaja. Selain menyara dirinya sendiri, Defendan juga menyara lagi seorang isteri iaitu isteri pertamanya dan tanggungjawab yang lain seperti tanggungjawab terhadap anak dengan isteri pertama telah lepas tanggungjawab manakala ibubapa Defendan telah meninggal dunia. Ini bermakna Defendan tidak ada tanggungjawab selain seorang isteri dan seorang anak dengan isteri kedua iaitu anak bersama Plaintiff sahaja.

#### **Faktor Kedua :**

##### ***Keturunan dan sifat isteri/Plaintif***

- (1) **Keturunan Plaintiff**

Mahkamah menerima sebagai fakta yang tidak dipertikaikan di dalam kes ini bahawa semasa perkahwinan dan sehinggalah berlaku perceraian, Plaintiff merupakan seorang yang tidak bekerja, selain itu keluarga Plaintiff juga tidak bersetuju dengan perkahwinan antara Plaintiff dengan Defendan, Namun setelah didesak oleh bapa saudara Plaintiff iaitu SP 2, maka Bapa kepada Plaintiff bersetuju dengan perkahwinan ini. Plaintiff adalah dari kalangan orang biasa sahaja dimana keluarga Plaintiff kehidupan mereka sederhana sahaja. Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff adalah dikategorikan seorang yang biasa dengan kehidupan masyarakat orang ramai.

- (2) **Sifat/perwatakan isteri/Plaintif**



Mengikut keterangan Plaintiff dan disokong oleh saksi-saksinya, Plaintiff dan Defendan dalam tempoh perkahwinan telah hidup sebagai suami isteri yang melaksanakan tanggung jawab sebagai isteri Defendan adalah baik. Plaintiff dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau seorang yang menjaga tanggungjawab terhadap Defendan terutama dalam makan minum, pakaian dan sebagainya secara baik dan sempurna, Mahkamah berpendapat hujahan yang dibuat oleh Peguam Defendan tidak pernah memberikan sebarang keterangan/kenyataan yang menunjukkan/menyatakan bahawa Plaintiff telah cuai atau mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dalam tempoh perkahwinan mereka namun Defendan melalui Peguam Syar'ienya tidak bersetuju bahawa tuntutan Plaintiff adalah tidak wajar dengan jumlah tuntutan Mut'ah ini. Fakta tersebut menjadi satu qarinah yang menunjukkan kepada Mahkamah bagaimanakah sikap dan sifat serta tanggungjawab Plaintiff terhadap Defendan sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Ini dapat dilihat dalam keterangan pihak-pihak semasa perbicaraan yang lalu.

### **ISU KETIGA YANG MENJADI SOAL ADALAH ADAKAH MUNASABAH JUMLAHMUT'AH YANG DITUNTUT ITU**

Seterusnya saya meneliti pula mengenai jumlah/kadar Mut'ah yang dituntut oleh Plaintiff terhadap Defendan sebanyak RM 18,000.00, adakah munasabah dan boleh diluluskan ataupun sebaliknya. Saya meneliti bagaimanakah cara pengiraan Mut'ah dibuat berdasarkan pengamatan kepada hukum Syara' dan kes-kes yang pernah diputuskan oleh Mahkamah sebelum ini.

Mengenai pengiraan Mut'ah, Mahkamah merujuk beberapa kes sebagai panduan dan gambaran dalam pengiraan Mut'ah yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebelum-sebelum ini.

Saya merujuk kepada kes Rayuan Syariah *Tuan Farizah binti Tuan Ludin lwn. Mohd Razuhan bin Abdul Razab ( 2007 ) JH JLD. 24 BHG. 2* di mana Mahkamah Rayuan Syariah telah menjelaskan seperti berikut:

*“Sungguh pun demikian bukanlah bererti tuntutan seumpama itu tidak boleh ditimbang dan ditolak terus tetapi yang perlu Mahkamah ini ingatkan bahawa seorang yang dituntut Mut’ah apabila pendapatan habis dipotong kerana perbelanjaannya termasuk yang berupa kemewahan tidak tergolong dalam kategori seorang yang tidak mampu. Sebab itulah Mahkamah ini membuat pertimbangan berasas kepada pekerjaan dan pendapatan atau lebih tepat lagi berdasarkan kepada kemampuan berserta harta-harta yang dimiliki, jika ada tanpa mengambil kira kepada potongan-potongan berbentuk kemewahan dan sebagainya ”*

Mengaplikasikan prinsip tersebut di dalam kes Plaintiff dan Defendan pada hari ini, saya berpendapat perbelanjaan yang digunakan oleh Defendan adalah menunjukkan kebiasaan yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat Malaysia yang setaraf dengan pendapatan Defendan. Oleh itu, saya berpendapat perbelanjaan bulanan yang bukan dalam bentuk kemewahan dan kemudahan wajarlah diambil kira oleh Mahkamah apabila dibandingkan dengan pendapatan bulanan Defendan.

Saya juga telah merujuk kepada kes *Mohamad Ali Abdul Kadir lwn. Susila Avaiar Abdullah [2007] 1 CLJ (Sy) 463* di mana Responden di dalam kes ini telah menuntut pembayaran Mut’ah sebanyak RM 23,400 ( RM5 x 30 hari x 12 bulan x 13 tahun ). Yang Amat Arif Hakim Mohd Shukor Sabudin telah merujuk beberapa kes bagi menentukan jumlah Mut’ah yang sesuai dan munasabah yang perlu dibayar oleh Perayu kepada Responden. Berikut adalah beberapa kes yang dirujuk oleh Yang Amat Arif Hakim Mohd Shukor Sabudin:

- (1) Yang Amat Arif Hakim telah merujuk kepada kes *Yang Chik lwn. Abdul Jamal [1986] JLD 6 HJ 146* di mana Kadi Besar Wilayah Persekutuan telah memutuskan jumlah

Mut'ah yang sesuai dan munasabah ialah RM 3,600 dan menolak tuntutan Mut'ah sebanyak RM 25,000. Kadi Besar Wilayah Persekutuan telah berkata:

*"...Untuk menentukan kadar Mut'ah saya telah meneliti pendapatan bulanan pihak yang kena tuntutan dan mendapati pendapatan beliau lebih kurang RM1,330 sebulan. Setelah ditolak potongan-potongan, pendapatan bersih beliau lebih kurang RM736. Saya kira Pihak Kena Tuntut termasuk dalam golongan orang yang berpendapatan sederhana sahaja dan tuntutan Mut'ah sebanyak RM 25,000 ini adalah tidak munasabah. Syarak tidak menentukan kadar Mut'ah, sekiranya terdapat perbalahan dalam kadar Mut'ah maka Kadi akan menentukan kadarnya dengan mengambil kira kedudukan yang kena tuntutan dan yang menuntut. Oleh itu, saya berpendapat bahawa Mut'ah yang sesuai dan munasabah memandangkan kepada kedudukan Pihak Yang Kena Tuntut dan Pihak Menuntut ialah RM 3,600..."*

Di dalam kes tersebut, Yang Arif Kadi Besar Wilayah Persekutuan telah menolak potongan-potongan daripada pendapatan Pihak Kena Tuntut dan mengukur kemampuannya berdasarkan pendapatan bersih beliau dan memutuskan jumlah Mut'ah sebanyak RM 3,600. Disebabkan tidak berpuas hati dengan keputusan itu, Pihak Yang Menuntut di dalam kes ini telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah namun ditolak oleh Jawatankuasa Rayuan dan jawatankuasa itu bersetuju dengan keputusan Yang Arif Kadhi Besar yang dikira telah menggunakan budi bicaranya dengan bijaksana.

- (2) Selain itu Yang Amat Arif Hakim Mohd Shukor Sabudin juga telah merujuk kepada kes *Norizan lwn Halim Azman [1995] 10 JH 65* di mana Plaintiff menuntut Mut'ah sebanyak RM10,800 yang dikira RM 200 sebulan bagi tempoh perkhidmatan 54 bulan dalam perkahwinan itu. Di dalam kes ini Mahkamah mendapati pendapatan bulanan Defendan lebih kurang RM 1,500 – RM 1,600 dan perbelanjaannya dihitung secara kasar RM 1,400 sebulan. Akhirnya Yang Arif Kadhi Besar telah memutuskan bahawa

jumlah Mut'ah ialah RM 2,400 dan menolak tuntutan Mut'ah sebanyak RM 10,800 yang dikira tidak munasabah.

(3) Selain itu, Yang AMat Arif Hakim juga telah merujuk kepada kes ***Rokiah Binti Haji Abdul Jalil lwn. Mohamed Idris bin Shamsudin [1986] 6 JH 272*** yang mana Plaintif telah membuat tuntutan Mut'ah terhadap Defendan sebanyak RM 42,300 yang dikira dengan kadar RM 100 sebulan didarabkan dengan 423 bulan iaitu mengikut tempoh perkahwinan mereka selama 35 tahun 3 bulan. Yang Arif Kadhi Besar Wilayah Persekutuan Haji Yahya Bin Darus pada mulanya telah berkata:

*“Bagi pendapat saya pula, Mut'ah tidak boleh dinilai dengan bayaran bulanan. Kita harus balik kepada erti Mut'ah. Mut'ah ialah satu harta pemberian yang diwajibkan ke atas suami bagi isteri yang telah dicerai oleh suaminya, dengan syarat sebab perceraian itu bukannya disebabkan oleh isteri atau kedua-duanya sekali “*

Namun, di dalam penghakimannya, Yang Arif Kadhi Besar telah memutuskan bahawa jumlah Mut'ah ditaksir berasaskan khidmat Plaintif yang dikira RM 1 sehari, iaitu sebulan RM 30, dan jika 35 tahun 3 bulan 5 hari ianya berjumlah RM 12,695. Namun, di dalam kes ini rayuan telah dibuat, dan Jawatankuasa Ulangbicara Wilayah Persekutuan telah memutuskan jumlah Mut'ah yang diperintahkan dibayar adalah tidak munasabah dan telah ditaksirkan atas prinsip-prinsip (kiraan mengikut bayaran bulanan) yang tidak betul lalu dikurangkan kepada RM 6,500. Di dalam penghakimannya, Jawatankuasa Ulangbicara telah menyebut:

*“...Sungguhpun kami difahamkan bahawa pembayaran RM 1 sehari untuk masa perkahwinan sebagai Mut'ah adalah amalan yang diikuti oleh Mahkamah Syariah di Singapura, kami dukacita tidak memperolehi apa-apa nas untuk amalan itu dan ia nampaknya berlawanan dengan erti dan tujuan Mut'ah iaitu mententeramkan perasaan isteri apabila dicerai. Sungguhpun Yang Arif Kadhi Besar telah menggunakan budi bicaranya, kami rasa perlu mencampuri dan menetapkan apa Mut'ah yang munasabah di dalam keadaan kes ini”.*

Selepas meneliti kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini dan memandangkan kepada keadaan pihak Perayu dan Responden, akhirnya Yang Amat Arif Hakim Mohd Shukor Sabudin telah memutuskan bahawa jumlah Mut'ah yang sesuai dan munasabah dalam kes *Mohammad Ali Abdul Kadir lwn. Susaila Avaiar Abdullah* [2007] 1 CLJ (Sya) ialah RM 5,000 dan tuntutan Mut'ah Plaintif sebanyak RM 23,400 adalah dianggap tidak wajar.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa bayaran Mut'ah mestilah diukur mengikut kemampuan kewangan Defendan semasa berlaku perceraian. Pendapatan bulanan yang diperolehi mestilah diambilkira dengan perbelanjaan bulanan, setelah itu bolehlah dinilai jumlah bayaran yang berpatutan yang wajar dibayar terhadap Plaintif. Kedudukan/status dan keturunan Plaintif/isteri dan sifatnya semasa dalam perkahwinan adalah diambil perkiraan.

Sebagaimana yang telah saya bantangkan kes-kes tadi, dapatlah dirumuskan bahawa kiraan bayaran Mut'ah mengikut bulanan adalah kiraan yang tidak betul, malah ia akan membebankan kepada bekas suami atau di dalam kes ini Defendan. Perlulah diingat bahawa Mut'ah itu adalah hak seorang isteri yang telah diceraikan, dan punca wajibnya Mut'ah adalah cerai itu sendiri. Oleh itu, saya berpendapat bahawa bayaran Mut'ah mestilah tidak bermaksud untuk memewahkan seorang isteri yang telah diceraikan itu, kerana ia hanyalah saguhati bagi mententeramkan hatinya setelah diceraikan, bukannya untuk memberikan satu kemewahan. Walaupun begitu, justeru keadaan Plaintif dan defendan yang boleh dikategorikan dalam kategori berada, jumlah yang sedikit dalam pandangan Mahkamah tidak boleh mencapai maksud dan matlamat Mut'ah itu sendiri dan hendaklah diberi pertimbangan sewajarnya oleh Mahkamah.

Suka saya merujuk kepada penghakiman Jawatankuasa Ulangbicara Wilayah Persekutuan di dalam kes *Rokiah Binti Haji Abdul Jalil lwn. Mohamed Idris bin Shamsudin* [1986] 6 JH 272 yang menyebut :

*“Adalah baik Mut’ah tidak kurang daripada tiga puluh dirham dan kadar itu **tidak boleh menjadi beban ke atas suami** yang menjadi khadam, tetapi tidak ada had bagi kadar yang wajib”.*

Di dalam kes *Tengku Anun Zaharah binti Tengku Abdul Hamid lwn Dato’ Dr. Hussein bin Mohamed Yusof, JH (1403H), 125*, adalah dihujahkan bahawa mengenai Mut’ah dan kadarnya, pihak Menuntut merujuk kepada kes Hassan bin Ali bin Abi Talib. Di masa Hassan bin Ali bin Abi Talib menjadi khalifah, beliau telah menceraikan isterinya dan memberi 10 ribu dinar sebagai Mut’ah. Di dalam kes itu adalah dihujahkan bahawa tidak menjadi kepayahan kepada Mahkamah meluluskan wang Mut’ah yang dituntut oleh Yang Menuntut sebanyak RM 25,200, kerana Yang Kena Tuntut seorang yang berkemampuan dan keupayaan. Di dalam kes itu Kitab *al-Ahwal Shaksiah fi Ahkam Zaujat wa Talaq* dirujuk bersama dengan fasal 130 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 3/52. Yang Arif Kadi Besar Selangor, Tuan Haji Arshad bin Haji Masjuri, telah membuat keputusan di dalam kes tuntutan Mut’ah ini dengan perintah bahawa Mahkamah mensabitkan tuntutan Yang Menuntut kepada Yang Kena Tuntut bayaran wang Mut’ah kerana perceraian sebanyak RM 25,200.

Oleh yang demikian, saya ingin menekankan di sini bahawa *prinsip* yang harus dipegang dan ditetap oleh Mahkamah Yang Mulia ini ialah kadar bayaran Mut’ah yang difardhukan *mestilah tidak membebaskan Defendan*. Ia mestilah diukur mengikut kemampuan dari sudut kewangan Defendan dan juga status kedudukan dan sifat Plaintiff. Jelasnya, saya berpendapat tuntutan Mut’ah Plaintiff terhadap Defendan sebanyak RM 18,000.00 merupakan jumlah yang tinggi yang tidak sepadan dengan pendapatan Defendan dan tempoh perkahwinan antara Plaintiff dengan Defendan yang hanya dalam 6 tahun 9 bulan sahaja. Sedangkan pendapatan Defendan bergantung kepada wang kerjanya sahaja.

Oleh itu, dalam mengaplikasikan kesemua prinsip-prinsip di atas, maka fakta-fakta dalam perbicaraan sebagaimana berikut adalah relevan untuk pertimbangan Mahkamah.

1. Bahawa tempoh perkahwinan di antara, Plaintiff dan Defendan adalah lebih kurang 6 tahun 9 bulan sahaja iaitu pada 24 Mac, 2010 sehingga 14 Disember, 2016. Seterusnya Plaintiff dan Defendan telah bercerai dengan talaq satu kali pertama (*Raj'ie*) diluar mahkamah dimana Defendan telah menceraikan Plaintiff 14 Disember, 2016 dihadapan Bapa Plaintiff di kampung XXX Kuala Terengganu dan Pengesahan Perceraian telah dibuat atas permohonan Plaintiff ke mahkamah. dan mereka telah dikurniakan cahaya mata seramai 1 orang.
2. Bahawa perceraian yang berlaku adalah perceraian talaq satu kali pertama (*raj'ie*). Plaintiff di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliautelah diceraikan oleh Defendan dengan talaq satu kali pertama (*raj'ie*) oleh Defendan terhadap plaintiff diluar mahkamah dimana Defendan telah menceraikan Plaintiff pada 14 Disember, 2016 dihadapan Bapa Plaintiff di kampung XXX Kuala Terengganu dan ketika itu Plaintiff tidak ada bersama dengan Defendan.
3. Plaintiff diceraikan oleh Defendan dengan sebab Defendan gagal memberi nafkah dan gagal berlaku adil dalam berpoligami. Permohonan Pengesahan perceraian dibuat di Mahkamah atas permohonan oleh Plaintiff sendiri dan bukan atas permohonan Defendan. Ini menyatakan bahawa Defendan tidak bertanggungjawab atas perceraian yang berlaku.
4. Perceraian yang dilakukan oleh Defendan terhadap Plaintiff tiada sebarang usaha penyelesaian melalui kaunseling antara pihak-pihak, bahkan Plaintiff memfailkan permohonan untuk peengesahan perceraian di Mahkamah atas alasan yang dinyatakan diatas tadi. Oleh itu Mahkamah berpendapat perceraian yang berlaku bukanlah disebabkan oleh pihak plaintiff sahaja tetapi juga melibatkan Defendan.
5. Sepanjang perkahwinan Plaintiff dan Defendan, Plaintiff sebagai seorang isteri telah menjalankan tanggungjawabnya terhadap rumahtangga mereka dengan baik dan dalam keadaan yang terbatas.

6. Perkembangan perubahan kadar mas kahwin pasangan yang berkahwin dewasa ini yang puratanya antara RM 6000.00 – RM 10,000.00 bersesuaian dengan perubahan kadar kos sara hidup yang semakin tinggi, kadar yang sesuai dan munasabah juga perlu diambil kira dalam penentuan kadar Mut'ah agar matlamat asalnya untuk menggembirakan, mengubat hati, membantu bekas isteri untuk memulakan hidup baru setelah bercerai dan beberapa hikmat lain, adalah boleh tercapai. Namun begitu dalam masa yang sama Mahkamah perlu mengambil kira keadaan bekas suami agar tidak pula menzaliminya.

Oleh yang demikian dalam mengira kadar Mut'ah yang patut dibayar oleh Defendan kepada Plaintif, Mahkamah menggunakan perkiraan yang sewajarnya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Syarak iaitu tidak membebankan Defendan dari jumlah yang dituntut oleh Plaintif. Mahkamah tentukan kadar Mut'ah yang kena dibayar oleh Defendan kepada Plaintif di dalam kes ini mengikut kemampuan yang ada pada Defendan.

Di akhir prosiding perbicaraan kes ini, mahkamah tidak memerintahkan plaintif bersumpah dengan sumpah Istizhar sebagaimana yang dimaksudkan di dalam seksyen 121 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Terengganu 2001 yang menghendaki mahkamah sebelum membuat apa-apa perintah, mengarahkan mana-mana plaintif atau defendan yang berkenaan.

Mahkamah berpendapat peruntukan seksyen tersebut adalah terlalu umum tanpa mengambilkira bagaimana atau apakah sebab ketidakhadiran defendan atau pihak yang berkenaan itu. Ini kerana ada pihak Defendan telah hadir ke mahkamah bersama dengan Peguamnya untuk membuat pembelaan atas tuntutan yang dibuat oleh Plaintif.

Berhubung perkara di atas, Mahkamah merujuk kepada peruntukan nas-nas feqh di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* oleh Shaykh Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Sharbini di dalam Kitab Al-Qada', Bab Al-Qadha' A'la Al-Ghaib, jilid 6, ms 151 menyebut;



(ويجب) على القاضي (أن يحلفه) أي المدعي يمين الاءستظهار (بعد) إقامة (البينة) أي وتعديلها وقبل توكية الحق (إن الحق) الذي لي على الغائب (ثابت في ذمته) الى الآن وأنهيجب تسليمه إلي كما في الروضة وأصلها احتياطا للمحكوم عليه ، لأنه لو حضر ربما ادعى ما يبرئه منه.....

تنبيه : محل وجوب التحليف إذا لم يكن للغائب وكيل حاضر ، وإلا لم يحتج الى ضم اليمين الى البينة كما قال ابن الرفعة.

Terjemahan;

“Dan wajib ke atas Qadhi mengarahkan pihak yang mendakwa (palintif) bersumpah dengan sumpah istizhar selepas plaintif mengemukakan keterangan, iaitu bertujuan agar plaintif benar-benar betul dengan keterangannya, sebelum menyempurnakan hak yang dituntut dengan cara lafaz “sesungguhnya hak bagiku adalah sabit ke atas pihak yang ghaib itu sehingga sekarang dan mesti diserahkan kepadaku” sebagaimana di dalam Kitab al-Raudhah. Tujuan disyariatkan sumpah istizhar itu sebagai mengambil langkah berhati-hati bagi kepentingan pihak yang dihukum (defendan), kerana sekiranya dia hadir kemungkinan dia boleh mengemukakan keterangan yang boleh melepaskannya dari dakwaan ke atasnya itu.....

**Perhatian : Asas kepada wajib bersumpah ialah apabila tiada wakil yang hadir bagi pihak yang tidak hadir itu, sekiranya ada wakilnya yang hadir maka tidak perlu dia berhujjah dengan menggabungkan sumpah ke dalam keterangannya sebagaimana pandangan Ibnu Al-Rif’ah.**

Mahkamah juga merujuk kepada peruntukan nas-nas feqh di dalam kitab I’anat Al-Talibin Syarh Ala Alfaz fathu al-Muinoleh Abi Bakr bin Muhammad al-Dumyati al-Masyhur bi Al-Sayyid Al-Bakridi dalam Kitab Al-Qada’, Bab Al-Qadha’ A’la Al-Ghaib, jilid 4, ms 376 menyebut;

Terjemahan;

“Adapun sekiranya pihak yang ghaib/tidak hadir itu **kerana menyembunyikan diri** atau **bukan kerana takut sebaliknya dorongan sesuatu kepentingan**, maka hukuman/keputusan

dibuat ke atas kedua-dua kategori tadi tanpa diarahkan plaintif bersumpah, disebabkan kecuaiannya kedua-dua golongan itu. Sebahagian mereka berkata (Ibarat dari Kitab Al-Tuhfah), sekiranya ada wakil yang hadir bagi pihak yang tidak hadir itu, hukuman/penghakiman bukan lagi sebagai penghakiman ke atas yang ghaib dan tidak wajib pihak yang hadir itu bersumpah”

Undang-undang telah memberikan ruang yang amat luas kepada mahkamah untuk merujuk kepada Hukum Syara’ apabila wujud sebarang lakuna atau tiada peruntukan yang berkaitan di dalam undang-undang yang digunapakai. Perkara tersebut diperuntukkan di bawah Seksyen 245 (2) Enakmen Tatacara Mal Terengganu 2001 yang memperuntukkan seperti berikut;

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Oleh itu, berdasarkan penghakiman di atas, melalui penelitian kepada fakta kes, hujah kedua-dua pihak, hukum syarak dan peruntukan undang-undang yang ada, maka Saya membuat penghakiman berikut;

### **KEPUTUSAN MAHKAMAH**

**ATAS TUNTUTAN** Plaintif, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu, di Hulu Terengganu, Terengganu dengan kehadiran Plaintif dan Peguamnya Puan Nadiah binti Man Dari Tetuan Nadiah & Associates dan Defendan hadir bersama Peguamnya Puan Asmayani Shuhada binti Kamaruddin daripada Tetuan Zamani Mohamad & Co, setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Plaintif dan saksi-saksinya beserta keterangan Defendan, **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH SEPERTI BERIKUT :-**

1. **SAYA SABIT** tuntutan Mut'ah oleh Plaintiff YYY BT ZZ Kp: 870829-11-XXXX terhadap Defendan AAA BIN XX Kp: 491225-11-XXXX dibawah seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 dan meluluskan tuntutan Plaintiff tersebut.
2. **SAYA PERINTAH** Defendan AAA BIN XX Kp: 491225-11-XXXXhendaklah membayar Muta'ah kepada Plaintiff YYY BT ZZ Kp: 870829-11-XXXXsebanyak RM 5000.00 dan bayaran dibuat secara ansuran sebanyak RM 500.00 sebulan setiap bulan sehingga selesai bermula Mei, 2018.
3. **SAYA PERINTAHKAN** bayaran Mut'ah tersebut hendaklah dibayar terus oleh Defendan, AAA BIN XX Kp: 491225-11-XXXXpada atau sebelum 28 haribulan setiap bulan dan bayaran dibuat terus melalui akaun bank Plaintiff iaitu:-

YYY BT ZZ

Kp: 870829-11-XXXX

Bank: Bank Simpanan Nasional

Akaun NO: 11500290000XXXX

4. **KOS DITANGGUNG** oleh pihak-pihak.

DIBERI DIBAWAH Tandatangan Saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu, Terengganu pada hari ini 21 Syaaban, 1439 Hijrah bersamaan 7 Mei, 2018

**METERAI**

**HAKIM**